

Najib akan jawab isu RM2.6 bilion pada sidang Dewan semasa, kata peguam
Malaysian Insider
Oct 27, 2015
Oleh Jennifer Gomez

Datuk Seri Najib Razak akan menjawab soalan mengenai wang RM2.6 bilion dalam akaun peribadi beliau pada sesi persidangan Dewan Rakyat yang sedang berlangsung ketika ini, kata peguamnya hari ini, meminta Mahkamah Tinggi satu tarikh awal untuk mendengar permintaan perdana menteri untuk membatalkan saman berhubung wang itu.

Datuk Hafarizam Harun berkata, beliau tidak mahu jawapan Najib di Parlimen meninggalkan kesan kepada perbicaraan itu nanti.

"Saya minta tarikh pengurusan kes awal dan tarikh perbicaraan awal kerana perdana menteri dijadualkan menjawab soalan mengenai RM2.6 bilion di Parlimen dan saya tidak mahu jawapan di Parlimen mempunyai pengaruh terhadap perbicaraan di sini dan begitu juga sebaliknya.

"Apa sahaja yang dihujahkan di sini tidak akan dibangkitkan di Parlimen apabila perdana menteri menjawab soalan mengenai wang RM2.6 bilion itu," katanya kepada pemberita di mahkamah hari ini.

Mahkamah Tinggi menetapkan 11 November bagi pengurusan kes akhir bagi semua pihak terlibat memfailkan affidavit balas dalam saman terhadap Najib, Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Saman sivil itu, yang difailkan PKR, memohon mahkamah membatalkan keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) atas dakwaan kesalahan pilihan raya yang dilakukan Najib susulan pemindahan wang RM2.6 bilion ke dalam akaun bank peribadinya.

Dana itu dipindahkan menerusi beberapa syarikat berkaitan 1MDB, dengan sebahagian besar darinya dipindahkan sebelum PRU13 pada Mei 2013.

Hafarizam mahu mahkamah menetapkan 4 November sebagai tarikh pengurusan kes, tetapi peguam plaintif, Michelle Kumar, memohon tarikh itu ditangguhkan dan ia dipersetujui Hakim Datuk Mohd Zaki Abdul Wahab.

Selepas prosiding mahkamah, Hafarizam berkata anak guamnya akan menjawab berkenaan RM2.6 bilion itu di Parlimen kelak, dan oleh itu, beliau mahu saman itu dibatalkan sebelum berbuat demikian.

"Saya mahu pembatalan saman itu dilakukan supaya apabila PM menjawab di

Parlimen, kes ini bebas daripada perbincangan kehakiman, yang ada cuma perbincangan politik atau parlimen.

"Jadi, arahan saya ialah supaya permohonan ini dibuat secepat mungkin," katanya. – 27 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-akan-jawab-isu-rm2.6-billion-pada-sidang-dewan-semasa-kata-peguam>